

Bergolak tetapi stabil itulah MIC - Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad — Kongres India Malaysia (MIC) merupakan salah sebuah parti politik di negara ini yang mempunyai reputasi yang bergolak, namun demikian ianya juga merupakan sebuah parti yang stabil.

"Banyak parti politik yang timbul di negara ini tetapi kemudiannya menghilang, tetapi bagi MIC ia bergerak selama 35 tahun dan ini haruslah dibanggakan," kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau menyatakan demikian ketika menghadiri majlis makan malam menyambut ulangtahun yang ke-35 MIC di sebuah hotel terkemuka di sini malam ini.

Turut hadir di majlis itu Tun Tan Siew Sin, Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu dan Menteri Buruh, Datuk Richard Ho.

Terus kukuh

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, semua anggota di dalam komponen Barisan Nasional mempunyai pandangan persaudaraan di kalangan anggota-anggotanya bagi kestabilan dan kemajuan parti.

"Bagi kepentingan parti dan negara, MIC telah menjalankan tugasnya dengan baik," tambahnya.

Beliau mengucapkan tahniah di atas ulangtahun MIC itu dan berharap parti tersebut akan terus kukuh dan maju di masa-masa akan datang.

Sementara itu, Pemangku Presiden MIC, Datuk S. Samy Vellu, dalam ucapannya berkata, majlis makan malam itu mempunyai dua objektif utama.

Tegasnya, objektif pertama ialah ulangtahun itu juga jatuh pada 3 Ogos yang merupakan hari Ahad dan sama hari dan tarikhnya apabila MIC mula ditubuhkan di Dewan Chettiar, Sentul, di sini pada 3 Ogos, 1946.

Datuk Samy Vellu menambah objektif kedua ialah cadangan MIC untuk membina Institut Perindustrian Tun Abdul Razak di Jelapang, Ipoh.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia